



BMP3073
KESUSASTERAAN DALAM PENGAJARAN BAHASA MELAYU

TAJUK:
**RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN KOMSAS TINGKATAN 3 (PENGAJARAN GAYA BAHASA BAGI
PUISI MODEN)**

DISEDIAKAN OLEH:

NAMA	NO. MATRIK	PROGRAM
NUR ALIA HAFIZA BINTI ABDUL RAHIM	D20181082493	AT05 IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU DENGAN KEPUJIAN
NURUL NAJWA BINTI AHMAD ROSE 	D20181082536	AT05 IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU DENGAN KEPUJIAN

KUMPULAN C

PROF. MADYA DR. ADENAN BIN AYOB

ANTOLOGI TEKS KOMPONEN SASTERA DALAM MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU TINGKATAN 3, *BINTANG HATI*.

**TAJUK SAJAK:
KIJANG YANG LELAH**

**KARYA:
WAN MARZUKI WAN
RAMLI. UTUSAN
PUBLICATIONS &
DISTRIBUTORS SDN.
BHD.**



KIJANG YANG LELAH

Suara nyaringnya tidak lagi gah bergema
Ketika temulang kudratnya bergetar di tengah rimba
Dia tidak lagi mampu menobat takhta
Mengorak telapak di tanah menghijau.

Saat itu
Sebak menyentap dahan kalbu
Dedaun resah mula berguguran
Pepohon batin akhirnya tumbang
Akarnya menguncup di perdu harap.



Hari ini

Dia cuba bangkit dengan kekuatan kaki
Menghambat waktu yang bersisa
Walau dalam jera lelah
Seakan dibelenggu setiap inci jiwa raga.

Bimbang tersadung akar dan jerat
Sang kijang lebih berhati-hati menapak
Meski dalam peribadi yang keruh
Diredah belantara yang mula teduh
Nun jauh di batas nuraninya
Dia tetap menjinjing tekad dan tabah
Terus mengorak penuh berhemah
Dengan akal dan hati
Dan tidak lagi gundah
Menyusun gerak dan langkah.



GAYA BAHASA

KONSEP

CONTOH

PERSONIFIKASI

- Perlambangan atau perumpamaan sesuatu benda tidak bernyawa atau sesuatu yang abstrak sebagai yang sesuatu mempunyai sifat-sifat manusia.

- Sebak **menyentap** dahan kalbu.
- Dedaun **resah** mula berguguran.



GAYA BAHASA

METAFORA

KONSEP

- perbandingan dua hal secara langsung dalam bentuk yang ringkas. Kebiasaannya, metafora menggunakan dua kata, iaitu yang bersifat konkret (boleh dilihat atau dipegang) dan yang bersifat abstrak (yang tidak boleh dilihat).

CONTOH

- **Pepohon batin** akhirnya tumbang.
- Dia tetap **menjinjing** tekad dan tabah.



GAYA BAHASA

ASONANSI

KONSEP

- Pengulangan bunyi vokal yang sama dalam suku kata yang diberi penekanan pada kata-kata yang bersebelahan yang mungkin didahului dan dikuti oleh konsonan yang berbeza.

CONTOH

- Walau dalam jera lelah.
- Dia tidak lagi gundah.



RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN

STANDARD PEMBELAJARAN

- Mengesan gaya bahasa dalam puisi moden iaitu sajak.

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

- Pada akhir pembelajaran, pelajar dapat menentukan sekurang-kurangnya tiga jenis gaya bahasa dengan tepat yang terdapat dalam sajak secara berkumpulan.




TEKNIK PENGAJARAN

**MIX-N-MATCH
(MATCH ME)**

OBJEKTIF AKTIVITI

- Memastikan setiap pelajar memahami konsep dan bentuk setiap jenis gaya bahasa dengan jelas.

LANGKAH-LANGKAH



1. Pelajar dibahagikan kepada 5 kumpulan.
2. Setiap kumpulan diberikan kertas mahjong yang sudah dilukis jadual pembahagian gaya bahasa.



LANGKAH-LANGKAH




3. Beberapa keping kad berkaitan ciri-ciri gaya bahasa personifikasi, metafora dan asonasi diberikan secara rawak.
4. Pelajar perlu menampalkan kad tersebut di dalam jadual pada kertas mahjong dengan mengkelaskan ciri-ciri gaya bahasa yang tepat



CONTOH GAMBAR AKTIVITI MIX-N-MATCH



CONTOH GAMBAR AKTIVITI MIX-N-MATCH



CONTOH GAMBAR AKTIVITI MIX-N-MATCH



KELEBIHAN AKTIVITI MATCH ME

- Menerapkan pembelajaran koperatif dan kolaboratif.
- Menarik minat pelajar terhadap pengajaran.
- Mengajar murid agar cepat berfikir dan bertindak.



SEKIAN, TERIMA KASIH.

Cikgu
Alia



Cikgu
Najwa